



DASAR INTEGRITI, GOVERNANS DAN ANTIRASUAH

Majlis Daerah Bera

Majlis Daerah Bera (MDB) dengan ini menetapkan komitmen teguh untuk membudayakan tadbir urus terbaik melalui penerapan nilai integriti, akauntabiliti, dan ketelusan dalam setiap aspek penyampaian perkhidmatan awam. Dasar ini menguatkuasakan prinsip PERKHIDMATAN BERKUALITI, BEBAS RASUAH melalui toleransi sifar terhadap sebarang bentuk rasuah, penyelewengan, dan penyalahgunaan kuasa dengan memperkukuh kawalan dalaman, mematuhi peraturan perolehan yang adil, serta memastikan setiap warga kerja mematuhi peraturan yang ditetapkan demi memelihara kedaulatan undang-undang dan kepercayaan rakyat terhadap pentadbiran Daerah Bera.

- Dasar ini bertetapan dengan peruntukan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 dan lain-lain akta yang berkaitan dengan keperluan perundangan pentadbiran Daerah Bera.
- Pelaksanaan dasar ini diterjemahkan melalui garis panduan dan polisi yang dibangunkan seperti Pelan OACP, Pelan Risiko Rasuah (CRM), Polisi Antirasuah, Polisi Hadiah dan Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat dan ianya selaras dengan halatuju misi dan visi Majlis Daerah Bera dengan moto "PERKHIDMATAN BERKUALITI MASYARAKAT HARMONI".
- Warga Majlis Daerah Bera berikar untuk menjalankan tugas dengan penuh amanah, mendahului kepentingan awam daripada kepentingan peribadi dan sentiasa memelihara kedaulatan Undang-Undang demi kedaulatan Negara. Kegagalan warga Majlis Daerah Bera menghayati dan mematuhi dasar ini boleh menyebabkan tindakan tatatertib diambil selaras dengan Kaedah-Kaedah Pegawai Majlis Daerah Bera (kelakuan dan Tatatertib) 2002.